

29 NOV 1996

Sabbaruddin - S46

HANYA 10,000 BEKAS ANGGOTA S46 BOLEH MASUK UMNO SECARA AUTOMATIK

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Hanya 10,000 daripada 196,000 permohonan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk menyertai Umno boleh diterima secara automatik, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

Beliau berkata, sejumlah 120,000 permohonan ditolak kerana mereka mahu menubuhkan cawangan khusus untuk bekas anggota S46 sedangkan di kawasan mereka sudah ada cawangan Umno.

"Kira-kira 60,000 lagi juga ditolak kerana tidak lengkap mengisi borang, pemohon di bawah umur atau antaranya sudah pun menjadi anggota," katanya kepada pemberita selepas memulakan tugas barunya di ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Sabbaruddin, yang menggantikan Datuk Mohamed Rahmat berkata Majlis Tertinggi yang bermesyuarat semalam memutuskan untuk menolak permohonan mereka yang inginkan menubuhkan cawangan khusus kerana tidak ada sebarang klasifikasi anggota Umno bekas S46.

Beliau berkata 10,000 permohonan yang diterima adalah melalui cawangan-cawangan yang sedia ada.

"Permohonan itu pun belum tentu kerana mungkin ada berlaku pertindihan, tambahnya.

Jika berlaku pertindihan mungkin kerana pertukaran kad pengenalan baru di kalangan mereka yang memohon, mereka dikira sudah menjadi anggota, katanya.

Ketika diminta mengulas laporan bahawa beliau tidak terkejut dengan pelantikannya sebagai Setiausaha Agung Umno, Sabbaruddin berkata: "Saya tidak terkejut semalam tetapi sebelum semalam memang saya terkejut."

Beliau berkata pelantikannya sudah pun dimaklumkan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui lisan dan surat sebelum ini.

Sabbaruddin berkata beliau akan menemui semua setiausaha bahagian, Pemuda dan Wanita Umno tidak lama lagi. -- BERNAMA

MS FAZ